

0501

R 8838 DEB
SEMANGAT - TUNKU

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA) -- KETUA PEMUDA PARTI SEMANGAT 46 HAJI IBRAHIM ALI MENYAMBUK BAIK KESEDIAAN PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD UNTUK BERTEMU DENGAN PRESIDEN SEMANGAT 46 TENGKU RAZALEIGH HAMZAH.

BELIAU MEMBERITAHU PEMBERITA SELEPAS MENGUNJUNGI TUNKU ABDUL RAHMAN DI KEDIAMANNYA DI BUKIT TUNKU DI SINI HARI INI, PERTEMUAN SEDEMIKIAN SEMEMANGNYA ELOK TETAPI BELIAU BERHARAP PIHAK AKHBAR TIDAK AKAN MEMUTARBELITKAN PERKARA YANG DIBINCANGKAN.

KATANYA, PERTEMUAN ITU MESTILAH DALAM SUASANA YANG IKHLAS. TAMBAHNYA: +SEKIRANYA SEMUA PIHAK IKHLAS MUDAHLAH UNTUK Mencari PENYELESAIAN.+

HAJI IBRAHIM BERSAMA 19 ANGGOTA PERGERAKAN PEMUDA PARTINYA MENGUNJUNGI TUNKU YANG MERUPAKAN PENASIHAT KEPADA SEMANGAT 46, SEBAGAI KUNJUNGAN HORMAT KEPADA BAPA MALAYSIA ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR SEMALAM MENYATAKAN KESEDIAANNYA UNTUK MENEMUI TENGKU RAZALEIGH, EKORAN CADANGAN TUNKU SUPAYA PERTEMUAN ITU DIADAKAN. -- LAGI.

2039MST 16 11 89

0568

R 8839 DEB
SEMANGAT - TUNKU 2 KUALA LUMPUR

HAJI IBRAHIM BERKATA TUNKU TELAH MEMBERI KEPADA BELIAU DALAM BENTUK TULISAN, KOMENNYA MENGENAI PERTEMUAN BEKAS PERDANA MENTERI ITU DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR MINGGU LEPAS.

DENGAN MEMETIK SEBAHAGIAN DARIPADA KOMEN ITU, HAJI IBRAHIM BERKATA TUNKU ADA MENCADANGKAN KEPADA DATUK SERI DR MAHATHIR SUPAYA SEBUAH JAWATANKUASA MENGANDUNGI PEMIMPIN TERTINGGI PARTI UMNO DAN SEMANGAT 46 DITUBUHKAN.

HAJI IBRAHIM BERKATA PERGERAKANNYA SEMEMANGNYA MENGHARAPKAN PERPADUAN DI KALANGAN ORANG MELAYU DAN RAKYAT NEGARA INI, TETAPI, KATANYA, PERPADUAN ITU HARUSLAH BERLANDASKAN KEADILAN DAN KEBENARAN.

+KAMI TIDAK MAHU PERPADUAN YANG MENYEBELAHU SATU PIHAK. PERPADUAN TIDAK BERERTI (SEMANGAT 46) MENYERTAI UMNO BARU.

+KAMI BERPENDAPAT UMNO YANG LAMA ADALAH MEKANISME YANG PALING BAIK UNTUK MEWUJUDKAN PERPADUAN ITU,+ TAMBAH BELIAU. -- BERNAMA.

2041MST 16 11 89